



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KP(BS)8591/Jld.VI/ (112)

Tarikh : 6 Jun 1991

Semua Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 5/1991 :
Pelaksanaan Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Atas
(Tingkatan IV dan V) Tahun 1991 - 1992

Adalah saya dengan hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti yang Y.Bhg. Dato'/Tuan sedia maklum bahawa Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Atas (Tingkatan IV dan V) akan dilaksanakan selewat-lewatnya pada minggu pertama penggal ke dua persekolahan 1991. Mata pelajaran ini adalah wajib kepada semua pelajar Tingkatan IV dan V (1991) dan Tingkatan V (1992). Ia diajar sebagai aktiviti kokurikulum selama 2 waktu seminggu. Surat pekeliling KP(PPK)018/9 Jld.VII (57) bertarikh 19 Mac 1991 adalah berkaitan.


3. Bagi sekolah-sekolah yang tidak dapat melaksanakan mata pelajaran ini dalam masa kokurikulum, alternatif berikut adalah dicadangkan :

- i. Sekolah-sekolah bolehlah memasukkan 2 waktu mata pelajaran ini ke dalam jadual waktu persekolahan biasa Tingkatan IV dan V. Ini boleh dilaksanakan dengan cara memendekkan sebanyak 5 minit daripada 16 waktu (40 minit) untuk 2 hari bagi mewujudkan 2 waktu untuk Kemahiran Hidup. Cadangan jadual waktu dilampirkan bersama.
- ii. Pihak sekolah boleh juga mengubahsuai jadual waktu sekolah mengikut kesesuaian dan kemudahan di sekolah masing-masing.
- iii. Jika sekolah mempunyai cara yang lain untuk melaksanakan mata pelajaran ini, pihak sekolah perlulah mendapat kelulusan daripada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.

4. Y.Bhg. Dato'/Tuan adalah diminta menyebarkan kandungan surat ini kepada sekolah-sekolah di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATUK DR. WAN MOHD ZAHID BIN MOHD NOORDIN
Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud
Menteri Pendidikan Malaysia
 2. Y.B. Dr. Leo Michael Toyad
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 3. Y.B. Dr. Fong Chan Onn
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
 5. Timbalan Ketua Setiausaha I
Kementerian Pendidikan
 6. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan I
Kementerian Pendidikan
 7. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan II
Kementerian Pendidikan
 8. Timbalan Ketua Setiausaha II
 9. Semua Ketua Bahagian
Kementerian Pendidikan
 10. Ketua Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan

CADANGAN JADUAL WAKTU TINGKATAN 4 DAN 5
(Untuk P.Pinang, Perak, Selangor, W.Persekutuan, Melaka, N.Sembilan, Pahang, Sabah dan Sarawak)

MASA HARI	7.30 – 8.05	8.05 – 8.40	8.40 – 9.15	9.15 – 9.50	9.50 – 10.25	10.25 – 10.45	10.45 – 11.20	11.20 – 11.55	11.55 – 12.30	12.30 – 1.05	1.05 – 1.40
ISNIN						R					
SELASA						E					
RABU						H					
KHAMIS						A					
MASA HARI	7.30 – 8.10	8.10 – 8.50	8.50 – 9.30	9.30 – 10.10	10.10 – 10.50	10.50 – 11.10	11.10 – 11.50	11.50 – 12.30			
JUMAAT						T					

NOTA :

1. Contoh ini mengandungi 45 waktu seminggu. Ia dirasakan sesuai untuk sekolah/kelas yang sekarang (sebelum memasukkan 2 waktu untuk Kemahiran Hidup) mempunyai 43 waktu seminggu termasuk perhimpunan. Bagi sekolah/kelas yang sekarang kurang dari 43 waktu seminggu, masa untuk hari Rabu dan Khamis mungkin tidak perlu dikurangkan kepada 35 minit.
2. Cadangan jadual ini berdasarkan kepada keadaan sekarang di mana terdapat banyak waktu balik/tamat sekolah yang berbeza seperti lewat balik dua hari (antara pukul 1.40 – 1.50) dan balik awal 2 hari (antara pukul 1.00 – 1.10).
3. Masa yang ditunjukkan dalam jadual ini hanyalah sebagai panduan sahaja.

**CADANGAN JADUAL WAKTU TINGKATAN 4 DAN 5
(Untuk Perlis, Kedah, Johor, Terengganu, Kelantan)**

MASA HARI	7.30 – 8.05	8.05 – 8.40	8.40 – 9.15	9.15 – 9.50	9.50 – 10.25	10.25 – 10.45	10.45 – 11.20	11.20 – 11.55	11.55 – 12.30	12.30 – 1.05	1.05 – 1.40
AHAD						R					
ISNIN						E					
SELASA						H					
RABU						A					
MASA HARI	7.30 – 8.10	8.10 – 8.50	8.50 – 9.30	9.30 – 10.10	10.10 – 10.50	10.50 – 11.10	11.10 – 11.50	11.50 – 12.30			
KHAMIS						T					

NOTA :

1. Contoh ini mengandungi 45 waktu seminggu. Ia dirasakan sesuai untuk sekolah/kelas yang sekarang (sebelum memasukkan 2 waktu untuk Kemahiran Hidup) mempunyai 43 waktu seminggu termasuk perhimpunan. Bagi sekolah/kelas yang sekarang kurang dari 43 waktu seminggu, masa untuk hari Rabu dan Khamis mungkin tidak perlu dikurangkan kepada 35 minit.
2. Cadangan jadual ini berdasarkan kepada keadaan sekarang di mana terdapat banyak waktu balik/tamat sekolah yang berbeza seperti lewat balik dua hari (antara pukul 1.40 – 1.50) dan balik awal 2 hari (antara pukul 1.00 – 1.10).
3. Masa yang ditunjukkan dalam jadual ini hanyalah sebagai panduan sahaja.